

547:
MAHATHIR

1976

KUALA LUMPUR, 17 FEB. (BERNAMA) — STANDARD PEPERIKSAAN MCE DAN HSE AKAN DIKEKALKAN APABILA KEMENTERIAN PELAJARAN MENGAMBIL ALIH PEPERIKSAAN DARI LEMBAGA PEPERIKSAAN CAMBRIDGE.

MENTERI PELAJARAN, DR. MAHATHIR MOHAMED BERKATA, MALAYSIA PADA AKHIRNYA AKAN MENGAMBIL ALIH PEPERIKSAAN ITU KERANA CAMBRIDGE TIDAK BEGITU MAHIR MENYEDIAKAN KERTAS DALAM BAHASA MALAYSIA.

BAGAIMANAPUN, KEMENTERIAN AKAN TERUS MENGEKALKAN HUBUNGAN RAPAT DENGAN CAMBRIDGE TERUTAMA TENTANG ASPEK PENILAIAN PEPERIKSAAN.

CAMBRIDGE TELAH MEMBUAT SATU STANDARD DAN KEMENTERIAN AKAN TERUS MENGEKALKANNYA, KATA BELIAU KEPADA PARA PEMBERITA SELEPAS MENERIMA SATU SET BUKU-BUKU DARI SEBUAH FIRMA PERHUBUNGAN AWAM AMERIKA, BURSON-MARSTELLER, DI PEJABATNYA HARI INI.

BUKU TERSEBUT, SEMUANYA MENGENAI PERHUBUNGAN AWAM, DISAMPAIKAN OLEH Pengerusi dan Ketua Esekutif firma itu, ENCIK HAROLD BURSON.

DR. MAHATHIR BERKATA, APABILA KEMENTERIAN MENGAMBIL ALIH PEPERIKSAAN, TIDAK TIMBUL SEBARANG MASALAH KEPADA MEREKA YANG INGIN MELANJUTKAN PELAJARAN KE SEBERANG LAUT KERANA MASIH ADA BEBERAPA BENTUK UJIAN KECEKAPAN BERBAHASA INGGERIS.

80

-- BERSAMBUNG 1325/SZ

548:

MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR

WALAU PUN TARIKH BELUM DITETAPKAN UNTUK MENGAMBIL ALIH PEPERIKSAAN ITU, TETAPI IA MESTI DILAKUKAN APABILA SEMUA PEPERIKSAAN PERSEKOLAHN DI JALANKAN DALAM BAHASA MALAYSIA.

PADA MASA INI, PEPERIKSAAN MCE/HSC DIJALANKAN BERSAMA OLEH KEMENTERIAN DAN LEMBAGA PEPERIKSAAN UNIVERSITI CAMBRIDGE.

BELIAU AKAN MENYEDIAKAN SATU KERTAS KABINET UNTUK PERTIMBANGAN KERAJAAN.

MENGENAI PENYALAHGUNAAN SEKIM BANTUAN BUKU TEKS, DR. MAHATHIR BERKATA, SETAKAT INI, PERISTIWA SEPERTI ITU HANYA DILAPURKAN BERLAKU DI JOHOR.

BELIAU MERAYU GURU-GURU DAN IBUBAPA MELAPURKAN KEPADA PIHAK BERKUASA SEKIRANYA MENDAPATI BUKU-BUKU DARI SEKIM TERSEBUT DIJUAL DI KEDAI-KEDAI.

KEMENTERIANYA SUKAR HENDAK MENYIASAT KEJADIAN SEPERTI ITU SEKIRANYA TIDAK ADA BUKTI YANG KHUSUS. — BERNAMA 1327/SZ